

06/11/2003

Tiada rombakan Kabinet (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata, beliau tidak bercadang melakukan sebarang rombakan atau membuat pelantikan baru dalam Kabinet buat masa ini.

Perdana Menteri juga meminta semua pihak supaya berhenti membuat pelbagai spekulasi mengenai bakal timbalannya kerana sebarang pengumuman berhubung perkara itu akan dibuat sebaik saja beliau bersedia.

"Saya belum bersedia untuk buat pengumuman lagi. Bila saya sedia dan dah buat keputusan, saya akan buat pengumuman. Nak speculate buat apa kerana saya tentu akan lantik timbalan perdana menteri.

"Saya perlu kepada timbalan, dan saya akan pilih orang yang saya fikir boleh membantu saya dan di samping itu boleh memberi kepimpinan yang baik," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, yang pertama olehnya sebagai Perdana Menteri, di Kompleks Seri Perdana semalam.

Abdullah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima Jumaat lalu, menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berundur selepas lebih 22 tahun menerajui kerajaan.

Beliau ditanya mengenai sama ada sudah membuat keputusan siapa bakal timbalannya. Malah, sidang akhbar yang dihadiri lebih 100 wartawan dan jurugambar termasuk media asing itu, bertumpu kepada soalan mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Beberapa wartawan asing terus bertanyakan kepada Abdullah sama ada pelantikan jawatan TPM akan dibuat sebelum atau selepas pilihan raya umum diadakan.

Seorang wartawan asing kemudian bertanya sama ada beliau sudah membuat keputusan (mengenai TPM), dan Abdullah menjawab: "Apabila saya umumkan, ia bermakna saya telah buat keputusan."

Dalam mesyuarat Kabinet yang bermula jam 10 pagi hingga 1.20 tengah hari itu, Perdana Menteri memberitahu jemaah menteri tidak akan membuat pelantikan baru atau rombakan.

"Saya sudah memaklumkan kepada Tuanku (Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail) pada hari saya mengangkat sumpah bahawa semua menteri akan kekal di portfolio yang sama," katanya.

Katanya, jika pertukaran dibuat selepas ini, beliau akan mempersembahkannya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Abdullah, yang menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara sebelum menghadiri mesyuarat Kabinet semalam, seperti yang lazimnya diamalkan oleh seorang Perdana Menteri, juga mengesahkan beliau kini mengambil alih jawatan Menteri Kewangan yang sebelum ini dipegang oleh Dr Mahathir.

Beliau akan menghadiri satu taklimat di Perbendaharaan Selasa ini untuk mengetahui lebih mendalam mengenai isu-isu berkaitan.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mempunyai banyak kerja termasuk sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang memerlukannya menghadiri mesyuarat demi mesyuarat di luar negara.

"Sejak beberapa tahun lalu, ketua-ketua kerajaan, malahan ketua-ketua negara, turut mengendalikan urusan hubungan luar yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Kami akan hadir mesyuarat dan berbincang mengenai apa yang perlu dibuat," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan memikul terlalu banyak beban dengan memegang pelbagai portfolio selain Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Di

Kementerian Kewangan, saya ada menteri kedua, dan kita ada seorang timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen.

"Di Kementerian Dalam Negeri, ada dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen. Saya rasa mereka ini boleh bekerja dengan lebih kuat lagi."

Mengenai mesyuarat pertama Kabinet yang dipengerusikannya semalam, Perdana Menteri berkata beliau mengambil kesempatan itu menjelaskan mengenai langkah yang perlu diambil dan projek yang harus dilaksanakan.

"Saya memberitahu mereka bahawa kami yang di dalam pentadbiran, perlu meneruskan pendekatan secara langsung dalam mengendali dan menguruskan pelbagai program di bawah kementerian masing-masing.

"Kita perlu tahu apa yang sedang berlaku dalam kementerian dan apa yang harus dilakukan serta untuk memimpin. Bagi saya, kepimpinan melalui teladan adalah penting. Saya masih ingat lagi bahawa saya bertanggungjawab memulakan program Kepimpinan Melalui Teladan ketika mula dilantik sebagai menteri dalam Kabinet Dr Mahathir.

"Saya masih yakin dengan keberkesanan program seperti ini dan saya berpendapat ia sesuatu yang kita harus lakukan.

"Jika kita bercakap mengenai kerja kuat, kejujuran dan kewibawaan, maka kita yang di dalam pentadbiran, sepatutnya menjadi orang yang pertama membuktikan bahawa kita adalah orang yang berwibawa, bahawa kita bekerja kuat, kita ada dedikasi, kita tahu mengenai khidmat yang kita sediakan, (dan) kita sedia untuk memimpin," katanya.